

ADAT BERCUKUR JAMBUL, BERZANJI DAN BERENDOI

Pendahuluan

Bagi orang Melayu ada beberapa acara adat yang dilakukan apabila seseorang bayi (anak) lahir ke dunia :-

- Adat bersendi syarak
- Syarak bersendi hukum
- Hukum bersendi kitabullah
- Syarak mengata adat mengikut
- Syarak mendaki adat menurun
- Syarak lazim adat nan kawi

Antaranya:-

Ketika lahir, selepas dibersihkan/ dimandikan hendaklah diazangkan jika lelaki dan diqamatkan jika perempuan oleh bapa bayi atau keluarga atau pegawai masjid.

Biasanya dalam tempoh 1-2 minggu atau lebih selepas anak lahir diaqiqahkan dengan menyembelih kambing atau lembu . Jika anak lelaki dua ekor kambing jika anak perempuan seekor kambing atau seekor lembu yang berkongsi tujuh orang. Diadakan majlis kenduri seperti bercukur jambul.

Dalam majlis yang sama diadakan acara bacaan berzanji, selawat, marhaban dan berendoi.


MAJLIS BERCUKUR JAMBUL

Persiapan

Persiapan majlis bercukur jambul.

1. Dulang yang berisi:-


- i) Sebiji kelapa muda, diropang bahagian bawahnya supaya dapat ditegakkan dan ditebuk bahagian atasnya dengan bentuk pucuk rebung. Kelapa muda ini tempat meletakkan rambut bayi yang telah digunting. (pada asalnya rambut bayi ditimbang dan dinilai dengan harga emas kemudian wang itu disedekahkan).



Upacara berzanji dalam istiadat bercukur jambul



Istiadat bercukur jambul



Istiadat berrendoi

- ii) Sebuah mangkuk yang berisi dengan air bedak (air tepung tawar)
 - iii) Sebilah gunting
 - iv) Bunga rampai
2. Bunga telur
 3. Bayi yang telah dimandikan dan dihias pakai
 4. Buaian diruang luar / tetamu yang dihias
 5. Kumpulan berzanji
 6. Jamuan ringan

BERZANJI

1. Kumpulan berzanji akan membaca rawi secara bergilir-gilir. Kemudian akan diikuti dengan membaca selawat dan marhaban beramai-ramai.
2. Pada waktu yang sama bayi dan alat-alatan yang disediakan akan dibawa keluar (acara menggunting rambut).
3. Bayi dibawa kepada tiap-tiap tetamu.
 - i) Direnjis sedikit rambutnya dengan air bedak (tepung tawar)
 - ii) Digunting sedikit rambutnya dimasukkan ke dalam kelapa muda.
 - iii) Tetamu diberi bunga rampai dan bunga telur
 - iv) Bayi dibawa kepada tetamu dari seorang ke seorang hingga habis bersalawat / marhaban.
4. Bacaan berzanji disambung semula bergilir-gilir, kemudian bacaan doa penutup acara berzanji.

ACARA BERENDOI

1. Bayi dibawa keluar dan diletakkan dalam buaian yang dihias (jari lipan).
2. Kumpulan berendoi (wanita) berlagu beramai-ramai sambil menghayun buaian yang dihias.
3. Kemudian barang-barang makanan seperti gula-gula, wajik, pulut dan lain-lain dibahagi-bahagi kepada kanak-kanak yang hadir.


(Setelah majlis tamat tetamu dijamu makan dengan makanan yang telah disediakan oleh tuan rumah. Akhirnya tetamu yang hadir akan diberi borokek).

SENIKATA LAGU BERENDOI

Di antara senikata lagu berendoi:

1. Bismillah itu permulaan nama
Keadaan zatnya bersama-sama
Zahirnya sifat menyatakan ISIMU
Kadim dan taat sedia lama.
2. Wahai segala anaknya Adam
Asalnya wahyu Nurulkhatam
Dipecahnya empat anasirnya Adam
Dipecahnya pula sekalian alam.
3. Rahim bapamu turun ke ibumu
Empat puluh hari nutfah namamu
Delapan puluh hari alaqah namamu
Seratus dua puluh hari mudzghah namamu.
4. Dikandungkan ibumu sembilan bulan
Lebih dan kurang tiada ditentukan
Diperanakkan dikau beberapa kesakitan
Beberapalah pantang minum dan makan.

ALLAHU ALLAH, ALLAH ALLAHU, ALLAHU ALLAH, ALLAH ALLAHU (2 kali)



Persembahan:
Kumpulan Berzanji dan Berendoi Taman Paroi Jaya,
Seremban
Pengurus Kumpulan: Haji Muhammad bin Tainu
Ketua Kumpulan: Haji Mohamad bin Salleh
Penolong : Hajah Safiah bt. Maasir

5. Kenangkan olehrmu sekalian anak
Tatkala engkau lagi kanak-kanak
Engkaulah tidur mata ibumu pun jinak
Mencari makanan manis dan lemak.
6. Nasihat ibumu jangan kaubantah
Dipeliharakan dikau sangatlah susah
Dialih ke kiri ke kanan pun basah
Hendaklah engkau menanggung insaf.
7. Setelah engkau sudahlah ada
Siang dan malam ibumu berjaga
Tidurpun tidak barang seketika
Makan dan minum tiada berasa.
8. Dipasanglah dia dengannya tanglung
Diangkat ditimang serta dibendung
Apabila terjaga selalu didukung
Kasih dan sayang tiada tertanggung.

ALLAHU ALLAH, ALLAH ALLAHU, ALLAHU ALLAH, ALLAH ALLAHU (2 kali)



9. Tiadalah tentu siang dan malam
Tidur pun tidak dapat ditilam
Terkejut terjaga di tengah malam
Bangkit memangku di dalam kelam.
10. Kenangkan olehmu anak bangsawan
Nasihat ibumu jangan kau lawan
Ibu bapamu itu perhubungan Tuhan
Baharulah sempurna anak bangsawan.
11. Jika ibumu ada sahaya disuruh
Nyamuk pun tidak hampir ke tubuh
Tirai kelambu dibentang dilabuh
Dian dan tanglung dipasang disuluh.
12. Jika ibumu itu mungkin berhutang
Kain sehelai sahaja dipinggang
Basah dan kering kain di pinggang
Didukung digalas tiada berenggang.

ALLAHU ALLAH, ALLAH ALLAHU, ALLAHU ALLAH, ALLAH ALLAHU (2 kali)



13. Jika ibumu itu orang yang kaya
Disuruh pelihara hamba sahaya
Serta dihimpun duit belanja
Itupun dia kurang percaya.
14. Apabila engkau dapat membilang
Disuruh mengaji pagi dan petang
Ke rumah gurumu tempat berulang
Setiap hari jangan kau selang.
15. Apabilalah engkau dapat mengaji
Ibu bapamu sukalah hati
Dicarikan rial setiap hari
Disuruhnya dikau pergi ke haji.
16. Pergi ke haji tanah yang suci
Hendak membuang fiil yang keji
Sebabnya itu disuruhnya mengaji
Membaca Al-Quran jangan kau benci.

ALLAHU ALLAH, ALLAH ALLAHU, ALLAHU ALLAH, ALLAH ALLAHU (2 kali)